

24 SEP 1997

LEAD Jerebu

USAHA PADAM KEBAKARAN DI INDONESIA DAPAT SOKONGAN SEMBILAN SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Usaha Malaysia membantu Indonesia mengawal kebakaran hutan di negara itu kini mendapat sokongan sembilan syarikat yang terlibat dalam pembukaan tanah di Kalimantan dan Sumatera.

Syarikat berkenaan, iaitu sebahagian daripada 43 syarikat milik tempatan yang terlibat, telah tampil untuk berganding bahu bersama-sama lebih 1,200 anggota bomba dan penyelamat Malaysia yang telah tiba di negara jiran itu tengah hari tadi.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat ketika memberitahu pemberita di sini berkata, kerajaan akan berunding dengan syarikat berkenaan mengenai bentuk bantuan berkenaan manakala syarikat lain yang terlibat akan turut "dihubungi melalui Bahagian Keselamatan Negara."

Kualiti udara di kebanyakan tempat di seluruh negara hari ini masih berada pada paras "tidak sihat" manakala di Sarawak "berbahaya", yang dianggap paling buruk dalam sejarah negara.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika ditanya pemberita di Hong Kong berkata kerajaan bersedia mengeluarkan lebih banyak peruntukan untuk membendung masalah jerebu kerana "kebijaksanaan rakyat adalah paling utama".

Anwar berkata beberapa peruntukan lain yang tidak berapa penting dan perlu akan dipotong bagi tujuan itu.

Kerajaan turut memutuskan satu garis panduan kesihatan khas bagi penduduk Sarawak yang menetapkan tindakan jangka pendek dan panjang dalam mengurangkan kesan pencemaran udara itu, pada mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau berlepas melawat Amerika Selatan malam ini.

Selain itu, sejumlah 330,000 topeng menutup mulut dan hidung akan dihantar ke negeri yang diisytihar darurat jerebu itu untuk diagihkan secara percuma terutama kepada orang tua, kanak-kanak dan orang yang berpenyakit pernafasan.

Masalah jerebu yang dihadapi beberapa negara di rantau ini semakin runcing. Di Indonesia, laporan hari ini menyebut bencana itu setakat ini meragut dua nyawa dan menyebabkan 30,000 lagi yang sakit.

Di MANILA, Presiden Fidel Ramos mengarahkan pegawai kementerian luar Filipina mencari jalan menyelaras usaha bagaimana negara Asean boleh membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan dan ladang yang menyebabkan jerebu menyelubungi beberapa negara di rantau ini termasuk Filipina.

Arahan itu dikeluarkan kepada Setiausaha Luar Domingo Siazon, yang kini berada di New York bersama-sama Menteri Luar Asean yang lain untuk menghadiri sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Jarak penglihatan di Mindanao semakin kabur sejak beberapa hari ini, dengan beberapa kawasan di selatan Filipina terlibat seperti Davao, Cotabato, General Santos dan bandar Puerto Princesa.

Mohamed, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, berkata beliau akan berjumpa dengan syarikat Malaysia yang terbabit dalam pembangunan pertanian terutama kelapa sawit dan syarikat yang menjalin kerjasama ekonomi dengan Indonesia, Jumaat ini.

Mesyuarat bertujuan mencari jalan bagaimana syarikat berkenaan dapat bekerjasama dalam usaha memadam kebakaran di Indonesia, katanya.

"Ada arahan-arahan dan keputusan kerajaan yang hendak disampaikan kepada mereka dan saya harap mereka memberi kerjasama dalam pelan tindakan yang akan kita buat terutama dalam kita hendak padamkan kebakaran," kata

beliau.

Sembilan syarikat itu ialah EPA Management Sdn Bhd, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Mentiga Plantation Management Sdn Bhd, Luminvest Resources Sdn Bhd, Selasih Permata Sdn Bhd, YPJ Holding Sdn Bhd, Tradewinds (M) Berhad, Selat Bersatu Sdn Bhd dan Bonggaya Plantation Sdn Bhd.

Sehingga pukul 6 petang ini, Kuching mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) "berbahaya" 638 manakala beberapa tempat lain mencatatkan paras "tidak sihat" seperti Gombak (181), Kuala Lumpur (163), Petaling Jaya (138), Shah Alam (132), Klang (154), Kajang (125), Seberang Perai (135), Ipoh (147), Melaka (151), Nilai (154), Johor Baharu (113) dan Kota Kinabalu (146).

Tempat-tempat yang mencatat kualiti udara "sederhana" ialah Jerantut (96), Kemaman (94), Sungai Petani (73), Kuantan (50) dan Kota Baharu (63).

-- BERNAMA

RAZ MAM AKD